



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1966) (No.2) 1967

DR.71/1967

ترتيب

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untok perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 1966 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan Tambahan (1966) (No. 2), 1967. Tajok ringkas.
2. (1) Dengan ini ada-lah di-benarkan pengeluaran wang sa-banyak tidak lebeh daripada satu juta satu ratus tiga ribu dan tujuh puluh lapan ringgit (\$1,103,078) daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan bagi perbelanjaan untok berbagai² perkhidmatan yang di-nyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan bagi tahun 1966 yang tidak di-peruntokkan atau yang tidak di-peruntokkan dengan sa-penoh-nya oleh Act Perbekalan (1966), 1965, Act Perbekalan Tambahan (1966), 1966, Act Perbekalan Tambahan (1966), 1967 dan Act Perbekalan Tambahan (1965 dan 1966), 1967. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1966.
92 tahun 1965.
60 tahun 1966.
3 tahun 1967.
27 tahun 1967.
- (2) Wang yang tersebut itu ada-lah di-peruntokkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual. Peruntokan.

JADUAL
(Sekshen 2)

Kepala No. (1)	Tajok (2)	Peruntokan bagi Kepala (3)
		\$
S. 20 ...	Pelajaran—Negeri ² Borneo	843,160
S. 64 ...	Kementerian Hal Ehwal Sabah dan Pertahanan 'Awam	259,918
Jumlah ...		1,103,078

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memberi kuasa berkanun bagi bayaran tambahan yang tertentu yang akan di-buat untuk perkhidmatan² 'awam persekutuan dalam tahun 1966 yang melebihi perbelanjaan yang di-benarkan oleh Act Perbekalan (1966), 1965, Act Perbekalan Tambahan (1966), 1966, Act Perbekalan Tambahan (1966), 1967 dan Act Perbekalan Tambahan (1965 dan 1966), 1967.

